



# PERBADANAN PUTRAJAYA



## TAKLIMAT SEBUTHARGA



# TAKLIMAT SEBUTHARGA

## PERKHIDMATAN TANGKAP PINDAH HIDUPAN LIAR DALAM KAWASAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

[NO. SEBUTHARGA: PPj/JL/SH(S)/25/2021]

13 APRIL 2021 (SELASA)

# NOTIS SEBUT HARGA



## NOTIS SEBUT HARGA PERBADANAN PUTRAJAYA

No. Sebut Harga : PPJ/L/SH(S)/25/2020

Tajuk Sebut Harga :

### PERKHIDMATAN TANGKAP PINDAH HIDUPAN LIAR DALAM KAWASAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah **Kod Bidang 220902 - Menangkap/Menembak Haiwan ATAU 222104 - Pertanian/Tanaman/Ladang/Taman/Hutan dan Ladang Hutan** untuk melaksanakan projek tersebut.
2. Kehadiran **Kontraktor / Syarikat** bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. **Kontraktor / Syarikat** yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **13 April 2021 (Selasa)** hingga **16 April 2021 (Jumaat)** dengan bayaran secara tunai sebanyak **RM 50.00** di **Aras 1, Bahagian Perolehan dan Ukur Bahan, Jabatan Kewangan, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya**.
3. **Kontraktor** dikehendaki membawa dokumen-dokumen **Asal** dan **Satu (1) Salinan** siji yang berkaitan. Wakil-wakil **kontraktor** adalah **diwajibkan** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang dilandatangani oleh **Pemilik Syarikat** untuk membeli dokumen sebut harga.
4. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas tidak lewat dari **Jam 12.00** tengahari pada **21 April 2021 (Rabu)**.
5. **Kontraktor/Syarikat** yang berminat untuk menyertai sebut harga ini boleh layari laman <https://dcoins.ppj.gov.my> bagi tujuan pendaftaran **kontraktor/syarikat**.

( NIK SHUKRI BIN NIK SOH )  
NAIB PRESIDEN  
Jabatan Landskap dan Taman  
Perbadanan Putrajaya

## JADUAL & AKTIVITI:

<b>Tarikh Pelawaan Sebutharga</b>	<b>: 09 April 2021 (JUMAAT)</b>
<b>Tarikh Beli Dokumen</b>	<b>:13 April 2021 – 16 April 2021</b>
<b>Tarikh Tutup</b>	<b>: 21 April 2021 (RABU) sebelum @ pada 12.00 pm</b>

## **SEBUT HARGA ADALAH DIPELAWA KEPADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA YANG BERDAFTAR DENGAN:**

1. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF) beralamat di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja di bawah KOD BIDANG seperti berikut:

- a) **220902-PENGAWALAN DAN PENGAWASAN (MENANGKAP / MENEMBAK HAIWAN) ATAU,**
- b) **222104-PERKHIDMATAN PERLADANGAN, PERIKANAN, HAIWAN DAN HIDUPAN LIAR**

## SKOP KERJA UTAMA :

- MEMBEKAL TENAGA KERJA
- OPERASI PEMBURUAN / TEMBAK HALAU BAGI KAWALAN KACAU GANGGU HIDUPAN LIAR DI PUTRAJAYA
- PERANGKAP HIDUPAN LIAR BESERTA AKSESORI KEMASAN PERANGKAP
- BEKALAN UMPAN PERANGKAP HIDUPAN LIAR BAGI OPERASI HIDUPAN LIAR
- PEMBEKALAN PAPAN TANDA INFORMASI BAGI PENGURUSAN KONFLIK MANUSIA - HIDUPAN LIAR DI PUTRAJAYA

## KAWASAN :

- DALAM KAWASAN PUTRAJAYA

## TEMPOH KERJA :

- 36 BULAN (3 TAHUN)

# SKOP KERJA

## 1.0 PRELIMINARI

- ❑ Bon Perlaksanaan
- ❑ Dokumentasi- Dokumen Kontrak Dan Laporan Setiap Bulan

## 2.0 TENAGA KERJA

- Pihak kontraktor perlu menyediakan **TIGA (3) ORANG PEKERJA TEKNIKAL SEPARA MAHIR WARGANEGARA MALAYSIA** beserta peralatan, pakaian seragam dan kenderaan pacuan empat roda (4x4) bagi mengurus dan memantau serta urusan pemindahan tangkapan hidupan liar, kerja-kerja operasi tangkap pindah atau pemusnahan hidupan liar dalam kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya selama tiga (3) tahun. Skop kerja bagi pekerja teknikal separa mahir merangkumi:

## Sambungan...

- Melaksanakan kerja-kerja pemasangan perangkap hidupan liar dan kerja-kerja tangkap pindah.
- Bertindak segera terhadap aduan kacau ganggu hidupan liar yang dilaporkan oleh penduduk dan orang awam dan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Perbadanan Putrajaya.
- Menjalankan operasi menangkap pindah hidupan liar di kawasan yang mempunyai populasi hidupan liar yang tinggi dengan pemasangan perangkap.
- Melakukan pemantauan dan pemeriksaan perangkap di lapangan setiap hari bagi memastikan keadaan perangkap dalam keadaan baik dan teratur.
- Memasang umpan di perangkap hidupan liar setiap hari.
- Menangkap pindah hidupan liar yang memasuki perangkap dan membuat serahan kepada pihak Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia.

## Sambungan...

- Merekodkan segala hasil tangkapan hidupan liar kepada wakil Perbadanan Putrajaya bagi tujuan rekod statistik tahunan operasi tangkap pindah Hidupan liar di Putrajaya.
- Memasang, mengalih dan menukar lokasi perangka-perangkap mengikut keperluan semasa dan aduam awam yang diterima.
- Membantu pegawai Perbadanan Putrajaya memantau dan menyelenggara perangkap kamera hidupan liar yang berada di Taman-Taman Awam Putrajaya.
- Waktu bekerja adalah pada Hari Isnin hingga Sabtu bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang dan tertakluk kepada arahan Perbadanan Putrajaya dari masa ke semasa.

### **3.0 OPERASI PEMBURUAN / TEMBAK HALAU BAGI KAWALAN KACAU GANGGU HIDUPAN LIAR DI PUTRAJAYA**

- Pihak kontraktor perlu melantik secara harian satu kumpulan pemburu dan penembak berlesen sepertimana berikut :
  - a) Satu kumpulan pemburuan yang terdiri daripada lima (5) Orang pemburu hidupan liar berlesen yang mahir dan berpengalaman, dua (2) orang pembantu operasi pemburuan beserta kenderaan yang bersesuaian bagi melaksanakan operasi pemburuan Babi Hutan sebagai musuh tanaman / konflik manusia - babi hutan.
  - b) Satu kumpulan penembak berlesen yang terdiri daripada satu (1) orang penembak berlesen yang mahir dan berpengalaman dan dua (2) orang pembantu operasi pemburuan beserta kenderaan yang bersesuaian bagi operasi tembak halau kera.
  
- Lokasi kawasan pemburuan adalah di di Taman-taman Awam atau kawasan kejiranan penduduk dan pelaksanaan kerja di tapak adalah mengikut jadual yang ditetapkan dan arahan dari wakil Perbadanan Putrajaya dari masa ke semasa.

### **3.1 TUGAS DAN SKOP KERJA PEMBURU BERLESEN**

Pemburu berlesen yang dilantik berperanan dan bertanggungjawab bagi melaksanakan skop kerja dan memenuhi syarat-syarat (MANDATORI) yang dinyatakan seperti berikut:

- a) Mempunyai Lesen penggunaan senjata api yang masih sah dan berdaftar di bawah Akta Senjata Api 1960 (Akta 206) - Seksyen 4 (Lesen-Lesen dan Permit-Permit Senjata) .
- b) Pemburu yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam mengendalikan senjata api.
- c) Pemburu yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam mengendalikan babi hutan.
- d) Menjalankan operasi pemburuan babi hutan di kawasan yang dikenalpasti populasi hidupan liar tersebut di kawasan landskap dan kejuruan.
- e) Bertindak mengikut arahan semasa daripada Pegawai Perbadanan Putrajaya yang dipertanggungjawabkan.
- f) Bertindak segera mengikut arahan Pegawai Perbadanan Putrajaya terhadap aduan kacau ganggu Babi Hutan yang dilaporkan oleh penduduk dan orang awam dan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Perbadanan Putrajaya.

## 3.2 TUGAS DAN SKOP KERJA PENEMBAK BERLESEN

Penembak berlesen yang dilantik berperanan dan bertanggungjawab bagi melaksanakan skop kerja dan memenuhi syarat-syarat (MANDATORI) yang dinyatakan seperti berikut:

- a) Mempunyai Lesen penggunaan senjata api yang masih sah dan berdaftar di bawah Akta Senjata Api 1960 (Akta 206) - Seksyen 4 (Lesen-Lesen dan Permit-Permit Senjata)
- b) Penembak yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam mengendalikan senjata api.
- c) Penembak yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam mengendalikan kera.
- d) Menjalankan operasi menembak halau kera yang membuat kacau ganggu di kawasan landskap dan kejiranan.
- e) Bertindak mengikut arahan semasa daripada Pegawai Perbadanan Putrajaya yang dipertanggungjawabkan.
- f) Bertindak segera mengikut arahan Pegawai Perbadanan Putrajaya terhadap aduan kacau ganggu Kera yang dilaporkan oleh penduduk dan orang awam dan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Perbadanan Putrajaya.

### **3.3 TUGAS DAN SKOP KERJA PEMBANTU OPERASI PEMBURUAN DAN TEMBAK HALAU**

Pembantu operasi pemburuan hidupan liar yang dilantik berperanan dan bertanggungjawab bagi melaksanakan skop kerja dan memenuhi syarat-syarat (mandatori) yang dinyatakan seperti berikut:

- a) Memantau atau tinjauan dikawasan kacau ganggu yang telah dikenalpasti sebelum melakukan operasi.
- b) Bantuan anjing pengesan digunakan untuk mencari jejak / kesan babi hutan dikawasan yang hendak dilakukan operasi pemburuan.
- c) Membuat bunyi untuk menakutkan babi hutan keluar dari kawasan persembunyian atau dari kawasan habitat.
- d) Pemburu atau pembantu melakukan pemerhatian mengenalpasti jejak babi hutan atau kera.
- e) Menggunakan alat perangkap yang bersesuaian untuk menangkap atau membunuh babi hutan atau kera.

# SKOP KERJA



**KERJA-KERJA PEMASANGAN PERANGKAP  
KERA BESERTA UMPAN PERANGKAP**



**KERJA-KERJA TANGKAP PINDAH KERA**

# SKOP KERJA



**KERJA-KERJA PEMUSNAHAN  
SARANG LEBAH & TEBUAN**



**OPERASI PEMBURUAN  
BABI HUTAN**


## 4.0 PERANGKAP HIDUPAN LIAR BESERTA AKSESORI KEMASAN PERANGKAP

Menyediakan perangkap hidupan liar beserta aksesori dan kemasan perangkap mengikut spesifikasi perangkap atau SETARA DENGANNYA bagi hidupan liar yang ditetapkan oleh pegawai Perbadanan Putrajaya.

BIL	JENIS PERANGKAP	SAIZ PERANGKAP	KUANTITI (NOS)
1	PERANGKAP KERA TYPE B	1500mm (L) x 1500mm (W) X 1900mm (H)	10
2	PERANGKAP SERBAGUNA ATAS BANGUNAN / PREMIS	1000mm (L) x 610mm (W) X 610mm (H)	5
3	PERANGKAP TANGKAP PINDAH	1000mm (L) x 610mm (W) X 610mm (H)	2
4	PERANGKAP BABI HUTAN	2300mm (L) x 1200mm (W) x 900mm (H)	6
5	AKSESORI DAN KEMASAN PERANGKAP	Metal Plat berukuran 175mm (L) X 125mm (W) berketebalan sekurang kurangnya 2.5mm beserta Logo Perbadanan Putrajaya.	23
<b>JUMLAH</b>			<b>46</b>

# PERANGKAP KERA JENIS "B"


UKURAN: 1500mm (L) x 1500mm (W) X 1900mm (H)



# PERANGKAP SERBAGUNA ATAS BANGUNAN


## UKURAN: 1000mm (L) X 610mm(W) X 610mm(H)

a) Lakaran Spesifikasi Perangkat




# PERANGKAP TANGKAP PINDAH HIDUPAN LIAR

UKURAN: 1000mm (L) X 610mm(W) X 610mm(H)




# PERANGKAP MAMALIA BESAR / SEDERHANA BESAR

UKURAN: 2300mm (L) X 1200mm(W) X 900mm(H)



# AKSESORI KEMASAN PERANGKAP HIDUPAN LIAR



## **5.0 BEKALAN UMPAN PERANGKAP HIDUPAN LIAR BAGI OPERASI HIDUPAN LIAR**

Pihak Kontraktor perlu menghantar, menyediakan, memasang, memeriksa dan mengganti umpan Pisang Abu atau setara dengannya yang berkualiti bagi keperluan perangkap hidupan liar di Putrajaya sepertimana arahan di bawah:

BIL	JENIS UMPAN	KUANTITI (KG)	CATATAN
1	PISANG ABU / PISANG BERANGAN / PISANG NANGKA	7200	Penghantaran bekalan umpan Pisang adalah secara mingguan iaitu sebanyak 50kg / minggu
2	CEMPEDAK / NANGKA	180	Penghantaran adalah mengikut keperluan semasa tertakluk kepada arahan wakil Perbadanan Putrajaya
3	UBI KAYU	180	Penghantaran adalah mengikut keperluan semasa tertakluk kepada arahan wakil Perbadanan Putrajaya

- a) Waktu Penghantaran adalah pada setiap Hari Isnin pada permulaan minggu pada jam 9.00 pagi.
- b) Keperluan jenis umpan haiwan adalah mengikut jenis operasi yang dijalankan oleh Unit Hidupan Liar bagi Pengurusan Hidupan Liar Putrajaya dan tertakluk kepada arahan Pegawai Perbadanan Putrajaya dari semasa ke semasa.
- c) Pertukaran penggunaan umpan yang berbeza akan dilakukan mengikut kesesuaian dan dari tempoh masa ke semasa berdasarkan arahan pegawai Perbadanan Putrajaya.


Berikut merupakan kategori pilihan umpan selain daripada jenis umpan diatas yang seringkali digunakan dalam pemasangan umpan di perangkap hidupan liar :

JENIS MAKANAN	JENIS HIDUPAN LIAR
PISANG NANGKA	KERA
PISANG BERANGAN	KERA
NANGKA	MUSANG / TUPAI
CEMPEDAK	MUSANG / TUPAI
KACANG TANAH	KERA / TUPAI / BABI HUTAN
ROTI	KERA / TUPAI
UBI KAYU	BABI


## 6.0 PAPAN TANDA INFORMASI BAGI PENGURUSAN KONFLIK HIDUPAN LIAR DI PUTRAJAYA

- Menyedia, membina dan membekal set papan tanda yang terdiri daripada struktur kerangka papan tanda dari jenis " Standard Steel" / setara bersaiz keseluruhan 1200mm (W) x 2000mm (H) ,struktur "Concrete Footing" bersaiz 300mm (W) x 300mm (L) x 450mm (H) beserta dengan kemas "Pebble Wash" bercorak "Shanghai Plaster" dan struktur panel papan tanda dari bahan Plat Aluminium bersaiz keseluruhan 1200mm (W) x 650mm (H) lengkap dengan Outdoor Sticker dengan kemas "Matt Lamination" yang kalis air dan tahan cuaca.

# PAPAN TANDA INFORMASI BAGI PENGURUSAN KONFLIK HIDUPAN LIAR DI PUTRAJAYA



# PAPAN TANDA INFORMASI BAGI PENGURUSAN KONFLIK HIDUPAN LIAR DI PUTRAJAYA



**MENGAPA ANDA TIDAK PERLU MEMBERI MAKAN KEPADA KERA?**  
**WHY YOU SHOULD NOT FEED THE MONKEYS?**

**MERAMPAS MAKANAN ANDA SEKELUARGA**  
*Snatch Food from You & Your Family*

**MENUKAR PERLAKUAN SEMULAJADI KERA**  
*After Their Natural Behaviour*

**GANGGUAN KAWASAN KEDIAMAN ANDA**  
*Disturbances Your Residential Areas*

**MENGANCAM KESELAMATAN ANDA SEKELUARGA**  
*Threatens You & Your Family Safety*

No. Aduan: 03-8887-3000  
Arahan Oleh Perbadanan Putrajaya

PERBADANAN PUTRAJAYA



# PAPAN TANDA INFORMASI BAGI PENGURUSAN KONFLIK HIDUPAN LIAR DI PUTRAJAYA





**SEKIAN ,  
TERIMA KASIH  
&  
SELAMAT BERJAYA**